

Menatang ibu 365 hari setahun

Oleh ANITA ABDUL RANI

SEHINGGA hari ini wanita dipandang tinggi dan dihargai sebagaimana kedatangan Islam yang mengangkat tinggi darjat wanita. Menyingkap zaman jahiliah yang memandang anak perempuan sebagai satu penghinaan, balasannya mereka ditanam agar keturunan dipandang tinggi oleh masyarakat.

Namun pandangan itu sama sekali ditolak tepi oleh Islam sehinggakan terdapat ramai wanita yang dapat dijadikan tokoh kerana keilmuannya yang tinggi seperti Siti Aisyah r.a.

Wanita hari ini semakin hebat apabila mereka terpaksa menjalani beban yang berganda sebagai seorang ibu dan wanita yang berkerjaya. Tidak kurang juga wanita yang menjadi suri rumah sepenuh masa, amanah yang ditanggung bukanlah remeh sebagaimana dipandang segelintir orang.

Menguruskan anak dan rumah tangga tanpa pembantu sudah cukup melayakkan mereka menerima gaji sebagaimana wanita lain yang bekerja.

Menyambut Hari Ibu bukanlah kebiasaan

masyarakat kita dahulu. Budaya yang diadopsi ini yang diambil dari Barat, sebenarnya tidak melibatkan mana-mana fahaman agama tetapi hanya sebagai satu cara untuk menghargai akal budi seorang ibu.

Jawatan ibu ini tidak ada galang gantinya dengan wang ringgit. Jawatan ibu ini tidak mampu disandang oleh seorang lelaki pun kerana seorang wanita kaya dengan perasaan belas kasihan, kasih sayang dan emosi yang tinggi. Seorang ibu tempatnya di hati anak-anak untuk diingati, dihargai dan diberi bakti.

Menatang ibu bukan hanya pada sambutan Hari Ibu sahaja. Menatang ibu sebaiknya adalah setiap masa dan setiap hari. Apa yang ada pada anak hari ini, segalanya adalah kerana seorang ibu. Kehidupan sebagai seorang manusia, kebahagiaan, kejayaan dan kesenangan anak adalah bermula dari sebuah kelahiran yang memerlukan gadaian nyawa seorang ibu.

Seorang ibu yang menanggung berat kandungan, yang menahan sakit melahirkan dan yang mengorban masa serta kudrat dengan kasih sayang untuk membesarkan, melindungi dan mendidik dengan kasih sayang yang tidak terbatas.

Ada ibu yang berulang kali mengalami proses tersebut pada anak yang ramai, lima atau enam orang, mahupun sebelas atau dua belas orang anak. Semuanya dengan kerelaan dan dengan kasih sayang yang tiada sempadan. Itulah hebatnya ketabahan seorang ibu yang selayaknya ibu ditatang setiap hari.

Menatang ibu dengan penuh penghargaan dan kasih sayang tidak terbatas pada agama Islam sahaja. Setiap agama mengajar supaya penganutnya menghormati ibu. Nabi Muhammad s.a.w. yang membesarkan tanpa didikan daripada seorang ibu, turut berpesan kepada umatnya supaya memandang ibu tinggi. Pernah baginda ditanya oleh seorang sahabat, "Ya Rasulullah, siapakah yang berhak memperoleh layanan dan persahabatanku?" Jawab baginda 'ibumu' sebanyak tiga kali sehingga akhirnya barulah dia menyebut 'ayahmu'.

Barangkali jika kita fikirkan hari ini kenapa ibu dipandang begitu tinggi oleh Nabi Muhammad pasti kita dapat jawab kerana 'ibuku seorang wanita kuat yang cukup hebat'. Kuat kerana ketabahannya dan hebat kerana pengorbanannya membesarkan seorang manusia.

Di sinilah Islam mengajar manusia, tiada kompromi dalam berbuat kebajikan kepada

ibu. Manusia mempunyai akal untuk memilih untuk mengerjakan perkara yang baik atau meninggalkannya.

Selagi kudrat dikandung badan selagi ibu bernyawa maka mengerjakan kebajikan dan menunaikan kewajipan sebagai seorang anak bukanlah satu pilihan tetapi satu tanggungjawab.

Tanggungjawab yang besar ganjarannya daripada Allah s.w.t. Gelaran anak yang soleh sebenarnya sudah cukup hebat untuk menjadikan manusia dikasihi oleh Allah s.w.t. Pastinya kerana kasih sayang Allah itu bergantung kepada kasih sayang ibu dan bapa. Untuk memperoleh sayang-Nya, Allah s.w.t. membimbing kita dalam berperanan sebagai seorang anak.

Seorang anak walau di mana pun dia berada, tanggungjawabnya tidak terlepas. Mungkin ada anak yang hanya mampu mendoakan ibu bapanya dari jauh, tidak mampu mengirimkan wang belanja kerana kesesakan ekonominya. Atau ada anak yang dekat dengan ibu bapa mampu menjaga makan pakai mereka.

Berbakti kepada ibu bapa bukan hanya melalui kiriman wang atau hanya melihat urusan makan pakai sahaja. Sebenarnya ber-

bakti kepada ibu yang utama adalah membahagiakan mereka. Allah s.w.t. melarang kita mengasari mereka dengan perkataan 'uh' sekalipun, apatah lagi perkataan kasar yang lain.

Di sini Allah s.w.t. memfokuskan kepada perasaan dan emosi ibu dan bapa di dalam perintahnya itu. Mengapa perasaan yang diutamakan? Kerana ketika tualah, hati ibu bapa semakin sensitif dan semakin perlukan perhatian serta kasih dan sayang seorang anak.

Menjangkau umur tua, perasaan takut tidak diperlukan amat membimbangkan mereka. Lebih-lebih lagi mereka yang sakit amat memerlukan penjagaan anak. Jika ibu bapa ini diberikan kasih sayang dan penghormatan oleh anak-anak, mereka akan merasa amat dihargai.

Maka tanggungjawab anak adalah khabarkan berita gembira sebagai tanda kasih dan sayang. Pulang menziarahi ibu bapa sebagai tanda ingatan yang berkekalan.

□ PENULIS ialah pensyarah Universiti Malaysia Pahang.